



- GAMBAR HIASAN

SESUATU berita yang diterima melalui media sosial pada masa kini perlu diselidiki dulu kesahliannya sebelum disebar kepada umum kerana dikhuatiri palsu.

Selidiki dulu sebelum sebar berita



Sylar

Oleh
DR. ROSMAWATI
MOHAMAD RASIT

KECOH, panik, malah kusut apabila sering kali kita mendengar mengenai berita yang tular di media sosial. Erap mendapat perkongsian yang banyak daripada ribuan netizen, namun setelah diteliti, rupa-rupanya berita tersebut palsu.

Media sosial masa kini meriah dengan pelbagai jenis berita. Wujud penyebaran dan penerimaan berita dalam pelbagai bidang termasuk politik, sosial dan agama. Netizen menjadikan media sosial sebagai tempat mendapat dan berkongsi berita.

Kekecohan netizen mengenai penulisan berita palsu menyebabkan wujud kepanikan dalam jaringan sosial maya. Namun, pada hakikatnya tidak semua berita yang diterima perlu disebar.

Islam mengalakkan umatnya agar berhati-hati dalam hal mempercayai sesuatu berita yang disampaikan. Hakikatnya dunia kini menjadi tidak selamat jika segala berita perlu disebar secara cepat dan pantas.

Dalam al-Quran, pelbagai bentuk berita disampaikan kepada manusia. Sumber utama berita disampaikan secara wahyu melalui perantaraan para

Nabi dan Rasul. Berita yang disampaikan oleh Allah SWT menjadi perkhabaran secara langsung dalam memperkukuh keimanan umat Islam. Orang Islam yang beriman sudah tentu wajib meyakini dan mempercayai segala penyampaian berita daripada Allah SWT.

Peribadi penyebar

Bagi mempercayai sesebuah berita yang disebar, Islam menetapkan panduan dengan mengambil kira keperibadian penyebar berita tersebut.

Betapa telitinya Islam dalam menyiapkan penyebar berita yang betul-betul menjaga amanah.

Ternyata Islam jelas dalam isu penyebaran berita palsu dengan menjelaskan watak dan karakter pembawa berita sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiki lah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengerainya) sehingga menjadikan kamu menyesal apa yang kamu lakukan."

Bagaimanapun, dalam surah al-Hujurat ayat 6 ini bukan sahaja berkisar mengenai penyebar berita, malah juga merujuk kepada kepentingan penerima sesuatu berita.

Penerima juga memainkan peranan penting bagi memastikan berita yang diterima benar-benar sahih dan tepat.

Islam memberi penyelesaian melalui prinsip tabayyun (selidiki). Justeru, selidiki lah penerima berita agar melakukan cerita yang disampaikan sahih, tepat dan benar.

Mendapat berita terkini tidak semestinya memerlukan kita terus kongsi atau share dengan rakan-rakan atau orang sekeliling.

Bertindak secara rasional dan membuat keputusan betul setelah kita menyelidiki sesuatu berita supaya kita tidak tergolong dalam kalangan netizen yang berkongsi berita palsu.

Natijahnya, amat besar jika berita tidak tepat dan tidak benar berlegar dalam masyarakat. Ini akan menimbulkan kerosakan dan implikasi yang lebih teruk dalam masyarakat.

Tapis berita

Dalam senario banjir maklumat di media sosial, sudah tentu memerlukan kebijaksanaan netizen dalam menapis berita yang mereka baca dan terima sebelum mereka tekan butang kongsi.

Apa yang perlu dilakukan adalah menyemak serta mengesahkan sumber berita yang sahih dan tepat, selain kredibiliti mereka yang menyampaikan berita tersebut.

Hal ini kerana, bukan semua berita yang didapati daripada media sosial adalah tepat dan benar.

Adakalanya netizen terlalu gopoh untuk menjadi orang yang pertama berkongsi berita terkini.

Namun, ada juga yang memilih untuk

menyebarkan berita bohong dan palsu demi kepentingan peribadi atau pihak tertentu.

Justeru, sebagai netizen yang menjadi penerima berita, kita boleh memilih untuk menjadi netizen yang lebih bijaksana untuk tidak terus menyebarkan sesuatu berita tanpa bertabayyun terlebih dahulu.

Tip mudah sebagai netizen media sosial, apa yang perlu kita lakukan untuk mengekalkan situasi positif yang memberi impak kepada kelangsungan hidup yang lebih baik.

Dalam hal ini, pertama sekali, selepas menerima sesuatu berita, baca dengan jelas, selain meneliti dan menyemak kredibiliti sumber yang menghantarnya.

Abaikan jika berita yang terima adalah palsu dan tidak berkongsi dengan orang lain.

Kesimpulannya, sikap dan tindakan tabayyun menggambarkan kebijaksanaan penerima berita.

Netizen sebagai penerima berita yang bijaksana sudah tentu memahami kepentingan proses tabayyun sebelum mempercayai dan menyebarkan sesuatu berita secara membata tuli.

Keharmonian masyarakat dan agama dapat dipelihara jika kita saling menghormati dan bergandeng bahu menjaga hak dan sensitiviti kaum di negara ini.

DR. ROSMAWATI MOHAMAD RASIT ialah Pengerusi Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan ahli panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam Malaysia (GISWI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.